

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]

TARIKH : 15 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan usaha membantu mempertingkatkan kualiti kesihatan dan saraan hidup dengan mewujudkan skim perlindungan insuran/takaful kepada peladang peladang yang berdaftar dengan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa berusaha untuk memastikan kebajikan masyarakat peladang di negara ini terus diberikan perhatian melalui usaha-usaha mempertingkatkan kualiti kesihatan dan jaminan saraan hidup mereka. Perkara ini ditegaskan lagi menerusi peruntukan seksyen 6 Akta Pertubuhan Peladang 1973 [*Akta 109*] yang menyatakan antara lainnya tujuan penubuhan Pertubuhan Peladang adalah bagi memajukan kepentingan sosio ekonomi dan kebajikan anggota.

SOALAN NO : 11

Justeru, pelbagai inisiatif diwujudkan, yang antara lain inisiatif yang sedang diusahakan ketika ini adalah dengan melaksanakan *Smart Card* Keluarga Peladang (*Peladang-i*). *Smart Card* Keluarga Peladang (*Peladang-i*) ini yang memberikan tumpuan terhadap manfaat bagi individu peladang sedang aktif dipromosikan melalui Lembaga Pertubuhan Peladang dengan kerjasama Agrobank selaras dengan usaha mendokong inisiatif Aspirasi Keluarga Malaysia.

Sebagai usaha memperluas spektrum perkhidmatan dan meningkatkan kebajikan ahli peladang, pelaksanaan *Smart Card* Keluarga Peladang (*Peladang-i*) ini membawa fungsi kad pintar merangkumi kad keahlian Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), Kad Debit Agrobank serta dilengkapi dengan perlindungan takaful kepada ahli peladang meliputi manfaat seperti kematian akibat kemalangan (RM5,000), hilang upaya kekal akibat kemalangan (RM5,000), perbelanjaan perubatan akibat kemalangan (RM250) dan kematian semulajadi (RM500).

Smart Card Keluarga Peladang (*Peladang-i*) yang juga merupakan salah satu daripada Tiga Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Aspirasi Keluarga Malaysia 100 Hari juga bakal menjadi satu platform penyaluran pelbagai bantuan dan insentif kerajaan kepada warga peladang pada masa akan datang. *Smart Card* Keluarga Peladang (*Peladang-i*) ini juga merupakan galakan ke arah transaksi tanpa tunai (*cashless*) dan transaksi atas talian yang turut mendukung dasar pemodenan dan digitalisasi industri agromakanan selaras dengan aspirasi Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) yang akan memberi manfaat kepada lebih 920,678 orang ahli peladang di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.